

KENALI HARGA KOS, HARGA JUAL, UNTUNG DAN RUGI

1

Encik, bolehkah kurangkan harga jual 1 kg pisang ini kepada RM4?

Baiklah, encik.

Maaf kak, harga kos untuk 1 kg pun RM4.20. Untung hanya 80 sen untuk 1 kg. Jika saya jual RM4, saya rugi.

Kenal pasti harga kos, harga jual dan untung dalam situasi di atas.

- a** Harga kos atau harga beli peniaga bagi 1 kg pisang ialah **RM4.20**.
- b** Harga jual 1 kg pisang ialah **RM5.00**.
- c** $\text{Untung} = \text{Harga jual} - \text{Harga kos}$
 $= \text{RM5.00} - \text{RM4.20}$
 $= \text{RM0.80}$

Untung jualan 1 kg pisang ialah **80 sen**.

Untung diperoleh apabila harga jual lebih tinggi daripada harga kos.

Harga Kos

Harga barang yang diperoleh sebelum dijual kepada orang lain.

Harga Jual

Harga sesuatu barang yang perlu dibayar oleh pembeli.

Bagaimanakah mengira kerugian sebanyak 20 sen jika harga jual RM4? Bincangkan.

NOTA GURU

- Bincangkan pelbagai situasi untuk menerangkan harga kos, harga jual, untung dan rugi.
- Terapkan nilai murni seperti jujur semasa menetapkan harga jual dengan mengambil kira kos upah dan masa.



Model baharu

Harga jual: RM950.50

Untung: RM240

Berapakah harga kos jam tangan?

$$\begin{aligned}\text{Harga kos} &= \text{Harga jual} - \text{Untung} \\ &= \text{RM}950.50 - \text{RM}240 \\ &= \text{RM}710.50\end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} \text{RM}950.50 \\ - \text{RM}240.00 \\ \hline \text{RM}710.50 \end{array}$$

Harga kos jam tangan
ialah **RM710.50**.

Jualan
penghabisan
stok model 2018

Harga kos: RM1 286.80

Harga jual: RM1 100.50

Hitung rugi jualan jam tangan.

$$\begin{aligned}\text{Rugi} &= \text{Harga kos} - \text{Harga jual} \\ &= \text{RM}1\,286.80 - \text{RM}1\,100.50 \\ &= \text{RM}186.30\end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} \text{RM}1\,286.80 \\ - \text{RM}1\,100.50 \\ \hline \text{RM}186.30 \end{array}$$

Rugi jualan jam tangan
ialah **RM186.30**.

Rugi

Nilai wang yang
terkurang kerana
harga kos lebih tinggi
daripada harga jual.



Apabila harga jual
kurang daripada
harga kos akan
berlaku kerugian.

**NOTA GURU**

- Bincangkan pengiraan untung dan rugi yang bergantung kepada harga kos dan harga jual.
- Minta murid menyatakan secara spontan untung atau rugi berbandkan harga kos dan harga jual yang disebutkan.

- 3 Untung kedua-dua piano di bawah adalah sama. Buktikan.



Harga kos: RM9 000

Harga jual: RM10 800

$$\begin{aligned}\text{Untung} &= \text{Harga jual} - \text{Harga kos} \\ &= \text{RM10 800} - \text{RM9 000} \\ &= \text{RM1 800}\end{aligned}$$



Harga kos: RM12 000

Harga jual: RM13 800

$$\begin{aligned}\text{Untung} &= \text{Harga jual} - \text{Harga kos} \\ &= \text{RM13 800} - \text{RM12 000} \\ &= \text{RM1 800}\end{aligned}$$

Untung kedua-dua piano di atas adalah sama, iaitu **RM1 800**.

Untung

Wang yang diperoleh hasil daripada menjual sesuatu selepas ditolak harga kos.

TIP

4	Jenama peti sejuk	Harga kos	Harga jual	Untung	Rugi
	Visi	RM2 500		RM360	
	Moto	RM2 000	RM1 800		

Hitung harga jual peti sejuk jenama Visi.

Harga jual = Harga kos + Untung

$$\begin{aligned}&= \text{ } + \text{ } \\ &= \text{ }\end{aligned}$$

Harga jual peti sejuk jenama Visi ialah **RM2 860**.

Kerugian bagi jualan 5 buah peti sejuk jenama Moto ialah RM1 000. Adakah pernyataan ini benar? Bincangkan.



NOTA GURU

- Latih tubi pengiraan harga kos, harga jual, untung dan rugi dengan mengadakan kuiz atau aktiviti simulasi menggunakan kad gambar.



① Hitung harga jual atau harga kos.

a  Harga kos: RM49.50
Untung: RM9

b  Harga jual: RM102.90
Untung: RM38.50

c  Harga kos: RM4 699
Rugi: RM250

d  Harga jual: RM25 350
Rugi: RM760.50

② Hitung untung atau rugi.

a Harga kos: RM20
Harga jual: RM22

b Harga kos: RM8 230
Harga jual: RM7 895

c Harga kos: RM10 550.50
Harga jual: RM12 668.80

d Harga kos: RM24 560
Harga jual: RM21 733.50

③ Encik Sufi sedang merekodkan jualan beberapa barangan dalam jadual berikut. Kira dan lengkapkan.

Barangan	Harga kos	Harga jual	Untung atau Rugi
Telefon pintar	RM1 200	RM1 500	Untung RM300
Pencetak	RM500	RM600	
Kamera digital		RM2 000	Untung RM400
Kalkulator (penghabisan stok)	RM80		Rugi RM4



KENALI DISKAUN, REBAT DAN BAUCAR

DISKAUN



- a Kira nilai diskaun beg sekolah di kedai B.

$$20\% \text{ daripada } RM80 = \frac{20}{100} \times RM80 \\ = RM16$$

Diskaun

Harga atau nilai yang dikurangkan daripada harga atau nilai asal.

TIP

Nilai diskaun beg sekolah di kedai B ialah **RM16**.

- b Hitung harga beg sekolah selepas diskaun di kedai B.

$$\begin{aligned} \text{Harga selepas diskaun} &= \text{Harga asal} - \text{Diskaun} \\ &= RM80 - RM16 \\ &= RM64 \end{aligned}$$

Harga beg sekolah selepas diskaun di kedai B ialah **RM64**.

Di kedai manakah pembelian yang dibuat lebih bijak? Bincangkan.

NOTA GURU

- Minta murid memberikan contoh diskaun dalam kehidupan harian.
- Bincangkan sebab-sebab peniaga menawarkan diskaun seperti meningkatkan jualan.
- Terapkan nilai berwaspada ketika berbelanja dan bijak membeli.

1



Rebat

Potongan daripada sejumlah bayaran yang kena dibayar atau pemulangan sebahagian daripada wang selepas membuat bayaran.

PASAR RAYA AZ		
TARIKH: 9 APRIL 2021		16:35
BAJU	2 × RM23.50	RM47.00
SELUAR	2 × RM29.00	RM58.00
NO. KUANTITI 4		NO. ITEM: 2
JUMLAH HARGA	RM105.00	
REBAT	RM 5.00	
JUMLAH HARGA	RM100.00	
TUNAI	RM100.00	
TERIMA KASIH. SILA DATANG LAGI.		

- Berikan contoh rebat lain dalam kehidupan seperti bayaran tol, pembelian kereta, cukai LHDN dan bil Internet.
- Bincangkan kepelbagaian jenis rebat.

2

Pada musim perayaan kali ini, kita mendapat rebat bayaran tol sebanyak 10%. Bayaran biasa ialah RM51.50.



LEBUHRAYA UTARA-SELATAN (PLUS) YONGE PENGO (SU)-KUALA KANISAR		
KENDERAAN	KELAS	KADAR TOL
	1	RM 51.50
	2	RM 94.30
	3	RM 125.60
	4	RM 25.85
	5	RM 38.62
Jarak: km		
PASTIKAN BAWA KAD ANDA MENGENGI		

Hitung bayaran tol selepas rebat 10%.

Cara 1

Langkah 1

10% daripada RM51.50

$$= \frac{10}{100} \times \text{RM}51.50$$

$$= \frac{\text{RM}51.50}{10}$$

$$= \text{RM}5.15$$

Langkah 2

$$\begin{array}{r} 411410 \\ \text{RM } 51.50 \\ - \text{RM } 5.15 \\ \hline \text{RM } 46.35 \end{array}$$

Cara 2

Langkah 1

$$100\% - 10\% = 90\%$$

Langkah 2

$$\frac{90}{100} \times \text{RM}51.50 = \frac{9 \times \text{RM}51.50}{10}$$

$$= \frac{\text{RM}463.50}{10}$$

$$= \text{RM}46.35$$

$$\begin{array}{r} 14 \\ \text{RM } 51.50 \\ \times 9 \\ \hline \text{RM } 463.50 \end{array}$$

Hitung bayaran tol selepas rebat 10% bagi jenis kenderaan yang lain.



Bayaran tol selepas rebat 10% ialah **RM46.35**.



Nyatakan peratusan rebat yang diperoleh dan selesaikan.

$$(1 - 75\%) \times \text{RM}60 = \boxed{}$$

NOTA GURU

- Bimbing murid mencari nilai selepas rebat dengan menggunakan pelbagai cara pengiraan.



Nyatakan nilai baucar dan bincangkan kegunaannya.

Baucar

Kepingan kertas kecil yang melayakkan pemiliknya mendapat potongan harga atau boleh ditukar dengan barangan lain.



- Dapatkan pelbagai contoh baucar dalam kehidupan harian.
- Minta murid mencipta baucar mengikut kreativiti sendiri jika mereka seorang peniaga.



CELIK MINDA

1 Hitung nilai diskaun.

a



b



c



d



2 Lengkapkan.

Harga asal	Harga baharu	Diskaun
RM12	RM9	$RM12 - RM9 = RM3$
RM70	RM56	
RM280	RM252	
RM3 600	RM2 700	

3 Hitung nilai rebat.

a



b



4 Nyatakan nilai baucar dan kegunaannya.

a



b



NOTA GURU

- Bincangkan kepelbagaian istilah yang membawa maksud diskaun seperti harga istimewa dan harga tawaran.

KENALI INVOIS, BIL, RESIT DAN CUKAI PERKHIDMATAN

INVOIS

Saya akan hantar invois ini kepada pelanggan. Salinan akan disimpan sebagai rekod urus niaga jualan, tuan.

Baiklah. Sila keluarkan resit setelah pelanggan membuat bayaran.

INVOIS

Nama dan alamat pembekal

SYARIKAT KEMAS

88, JALAN MAJU,
05400 ALOR SETAR.
TEL: 04-7721515

Nama dan alamat pelanggan

KEPADA:

JAYA KOMUNIKASI BERHAD,
70, JALAN BAKTI I,
05100 ALOR SETAR.

NO. INVOIS: AS 1051

TARIKH: 2 MEI 2022

Nombor invois

Tarikh invois

KUANTITI	BUTIRAN	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
8 UNIT	TELEFON PINTAR AB	900.00	7 200.00
10 UNIT	TELEFON PINTAR KK	650.00	6 500.00
20 UNIT	TELEFON PINTAR SS	565.00	11 300.00
		JUMLAH:	25 000.00
		DISKAUN NIAGA (10%):	2 500.00
		JUMLAH BAYARAN:	22 500.00

Maklumat pesanan atau barang yang dibeli

Maklumat bayaran

RINGGIT MALAYSIA DUA PULUH DUA RIBU LIMA RATUS SAHAJA.

TANDATANGAN/CAP SYARIKAT

Pengesahan pembekal

Invois

Senarai barangan atau perkhidmatan serta harganya yang dihantar oleh pembekal kepada pelanggan.



TIP

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal pasti maklumat yang perlu ada dalam invois.
- Jelaskan invois ialah dokumen yang dihantar oleh pembekal produk atau perkhidmatan kepada pembeli.
- Layari <https://tinyurl.com/4v4jenye>



Berikan saya bil, encik.

Sebentar ya, encik.



Ini bilnya, encik.



Nama dan
alamat
peniaga

BIL RESTORAN WAFI

→ NO. 3, JALAN MUTIARA,
48050 RAWANG, SELANGOR.
TEL.: 03-7951 1105

Tarikh

TARIKH: 10.5.2022
NO. MEJA: 6

MASA: 13:00-00
NO.: 20792

BIL.	ITEM	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	IKAN	1	20.00	20.00
2	AYAM GORENG	6	3.00	18.00
3	SAYUR	1	13.00	13.00
4	NASI	3	1.50	4.50
5	BARLI	3	1.50	4.50

JUMLAH (RM): 60.00

Maklumat
barang atau
perkhidmatan

DIKELUARKAN OLEH,

Bil



Bil ialah surat keterangan tentang harga barang atau perkhidmatan yang diterima.

NOTA GURU

- Bincangkan contoh bil dalam kehidupan harian seperti bil telefon dan bil elektrik.
- Terapkan nilai membayar bil mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan mengemak harga bil yang diterima.

RESIT DAN CUKAI PERKHIDMATAN

Ini bil makanan saya, encik.

Ini RM100, encik.

Jumlah bayaran RM63.60. Ini resitnya, tuan serta baki wang. Terima kasih.



Masa bayaran

Tarikh resit

RESIT RESTORAN WAFI
NO. 3, JALAN MUTIARA,
48050 RAWANG, SELANGOR.
TEL: 03-7951 1105

TARIKH: 10.5.2022 MASA: 13:05:00
NO. MEJA: 6 NO. RESIT: 107005

BIL.	ITEM	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	IKAN	1	20.00	20.00
2	AYAM GORENG	6	3.00	18.00
3	SAYUR	1	13.00	13.00
4	NASI	3	1.50	4.50
5	BARLI	3	1.50	4.50
JUMLAH (RM):				60.00
CUKAI PERKHIDMATAN 6% (RM):				3.60
JUMLAH BAYARAN (RM):				63.60
TUNAI (RM):				100.00
BAKI (RM):				36.40

TERIMA KASIH. SILA DATANG LAGI.

Nombor resit

Maklumat harga, cukai perkhidmatan dan baki wang

Kira nilai cukai perkhidmatan pada resit itu.

Cukai perkhidmatan:

6% daripada RM60

$$= \frac{6}{100} \times RM60$$

$$= \frac{RM36}{10}$$

$$= \text{[Green Box]}$$

Hitung baki wang Encik Hamid.

$$RM100 - RM63.60 = \text{[Green Box]}$$

$$\begin{array}{r} 99 \\ 0000 \\ RM \cancel{100.00} \\ - RM \quad 63.60 \\ \hline RM \quad 36.40 \end{array}$$

$$RM100 - RM63.60 = \text{[Green Box]}$$

Baki wang Encik Hamid ialah **RM36.40**

Resit

Resit ialah penyata rasmi yang menunjukkan bahawa bayaran sudah diterima.

Cukai Perkhidmatan

Cukai yang perlu dibayar ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh perniagaan tertentu seperti restoran.



NOTA GURU

- Bimbing murid menjadi pengguna yang bijak dengan menyemak harga setiap item untuk memastikan jumlah harga yang perlu dibayar adalah betul.



1 Lengkapkan inivois di bawah.

INVOIS
 SYARIKAT CERGAS ENTERPRISE,
 B.12, BLOK A,
 88830, KOTA KINABALU, SABAH.

TEL.: 088-711038 FAKS: 088-711039
 E-MAIL: cergas@sabah.com

KEDAI WAJA, NO. INVOIS: P015
 NO.11, JALAN BAKTI, TARIKH: 8 APRIL 2022
 TAMAN INDAH,
 88838 KOTA KINABALU,
 SABAH.

KUANTITI	BUTIRAN	HARGA SEUNIT	JUMLAH
120	BOLA	RM4.00	
40	GELUNG ROTAN	RM6.00	
JUMLAH			
10% DISKAJIN NIAGA			
JUMLAH BAYARAN			

2 Lengkapkan bil di bawah.

BIL
 PASAR JAYA HUSSEIN SDN. BHD.,
 LOT F12, JALAN SEMARAH,
 05400, ALOR SETAR, KEDAH.

BERAS 5 x RM26.00

100620100

SUSU TEPUK 4 x RM30.50

1004582001

TUALA 6 x RM12.90

NO. KUANTITI: 15 NO. ITEM: 3

3 Kira nilai cukai perkhidmatan berikut.

a

 **TN CINEMA**
 HARGA TIKET: RM10
 CUKAI PERKHIDMATAN: 6%
TARIKH: 12/10/2022 SEMBAYU 10 KEDIRI 1 21

b

HOTEL MENTARI 

Bayaran penginapan di hotel:
RM320

Cukai perkhidmatan (6%):

c

 **RESIT BAYARAN
 TEMPAT LETAK
 KERETA**

TEMPOH: 5 JAM
 1 JAM: RM1.00
 CUKAI PERKHIDMATAN: 6%



NOTA GURU

- Bimbing murid mencari jawapan dengan pelbagai cara.
- Minta murid mengenal pasti ciri-ciri dan perbezaan antara inivois, bil dan resit.



FAEDAH DAN DIVIDEN

FAEDAH

BANK ANDA

Saya ingin menyimpan RM10 000 dalam akaun anak saya untuk pendidikannya pada masa hadapan.

Baiklah, tuan.
Kadar faedah untuk simpanan ialah 2% setahun.

- 1 Hitung nilai faedah yang diterima atas simpanan selepas setahun.

Tarikh	Wang masuk	Wang keluar	Baki
5 Januari 2021	RM10 000		RM10 000
5 Januari 2022	Faedah		

Nilai faedah = Kadar faedah $\times$ Wang simpanan

$$= 2\% \times \text{RM10 000}$$

$$= \frac{2}{100} \times \text{RM10 000}$$

$$= \text{RM200}$$

Nilai faedah ialah **RM200**.



Berapakah baki wang pada 5 Januari 2022? Bincangkan.



Faedah

Faedah ialah sejumlah wang yang diperoleh apabila seseorang menyimpan wang di bank dalam tempoh tertentu.

DIVIDEN

Ibu, adik telah menang RM3 000 dalam pertandingan reka cipta logo.

SSPN

Kadar dividen 4% setahun

Tahniah, Razi! Ibu akan melaburkan wang ini ke dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) kamu.

- a** Berpandukan penyata di bawah, berapakah nilai dividen yang diterima oleh Razi selepas 1 tahun?

TARIKH DEPOSIT	KETERANGAN REKOD TRANSAKSI	NOMBOR SLIP BANK	KOD CAWANGAN BANK	AMAUN (RM)	BAKI (RM)
1.1.2021	BAKI AWAL	-----	-----	-----	3 000.00
	DIVIDEN	-----	SSPN 9999		
31.12.2021	BAKI AKHIR DIKEMAS KINI				

Nilai dividen = Kadar dividen $\times$ Wang pelaburan

$$= 4\% \times \text{RM3 000}$$

$$= \frac{4}{100} \times \text{RM3 000}$$

$$= \text{RM120}$$

Nilai dividen yang diterima oleh Razi selepas 1 tahun ialah **RM120**.

- b** Berapakah baki wang pada 31.12.2021?

$$\text{RM3 000} + \text{RM120} = \text{_____}$$

Baki wang pada 31.12.2021 ialah _____.

Adakah ayat matematik ini sesuai untuk mencari jawapan **b**?

$$104\% \times \text{RM3 000} = \text{_____}$$

Bincangkan.

Dividen

Bahagian keuntungan yang diberikan ke atas wang yang dilaburkan untuk perniagaan atau saham.

NOTA GURU

- Tegaskan bahawa dividen yang diterima menjadi lebih tinggi apabila syarikat pelaburan mendapat keuntungan yang lumayan.



1 Hitung nilai faedah atau dividen di bawah.

a BANK WARTA

Simpan: RM8 000

Kadar faedah: 2% setahun

Tempoh simpanan: 1 tahun

Nilai faedah:

b BANK SETIA

Simpan: RM50 000

Kadar faedah: 1.5% setahun

Tempoh simpanan: 1 tahun

Nilai faedah:

c UNIT AMANAH SAHAM

Labur: RM5 000

Kadar dividen: 7% setahun

Tempoh: 1 tahun

Nilai dividen:

d UNIT AMANAH

Labur: RM20 000

Kadar dividen: 8% setahun

Tempoh: 1 tahun

Nilai dividen:

2 Bantu Si Pipi mencari rakannya. Laluannya dalam tertib menaik dua puluh-dua puluh. Kira nilai faedah atau dividen. Nyatakan laluannya.



Si Pipi

Mula

A

Simpan: RM2 000

Kadar faedah: 2%

F

Simpan: RM6 000

Kadar faedah: 1%

E

Simpan: RM4 000

Kadar faedah: 2%

G

Labur: RM3 000

Kadar dividen: 3%

B

Simpan: RM1 000

Kadar faedah: 2%

D

Labur: RM2 000

Kadar dividen: 5%

C

Labur: RM5 000

Kadar dividen: 3%

H

Labur: RM1 500

Kadar dividen: 8%





PROJEK RIA

Alat/Bahan Kertas A4, brosur barangan, gunting, gam dan pen.

Peserta 4 orang murid dalam satu kumpulan.

Tugasan

- 1 Dapatkan gambar dan maklumat tentang harga barangan daripada brosur barangan (bercetak atau muat turun daripada laman web) serta muat turun contoh resit atau bil yang melibatkan diskaun atau cukai perkhidmatan.
- 2 Guntingkan dan tampalkan gambar pada kertas A4. Buat contoh berkaitan dengan harga kos, harga jual, untung, rugi, diskaun, rebat dan cukai perkhidmatan.



Harga jual
RM120
RM90

Nilai diskaun:
 $RM120 - RM90 = RM30$

Peratus diskaun:
 $\frac{RM30}{RM120} \times 100\% = 25\%$



Cukai perkhidmatan:

$$\begin{aligned} 6\% \times RM7 &= \frac{6}{100} \times RM7 \\ &= \frac{RM42}{100} \\ &= RM0.42 \end{aligned}$$

- 3 Kumpulkan hasil kerja setiap kumpulan dalam buku skrap.
- 4 Pamerkan buku skrap untuk dilihat oleh kumpulan lain.
- 5 Tulis komen tentang hasil kerja kumpulan lain pada nota pelekatan dan tampalkannya pada hasil kerja itu.

NOTA GURU

- Buat penilaian tahap penguasaan murid dari segi pengetahuan, kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir serta kemahiran insaniah termasuk sikap dan nilai dalam aktiviti Projek Ria.



KENALI ASET, LIABILITI, INSURANS DAN TAKAFUL

ASET DAN LIABILITI

1 a



Wang tunai



Rumah



Simpanan



Barang kemas

Aset

b



Pinjaman kereta



Pinjaman pendidikan



Pinjaman perumahan

Liabiliti



Apakah kesan jika liabiliti tidak dilangsaikan? Bincangkan.

2

Kereta yang saya beli secara tunai, iaitu RM25 000 ialah aset saya. Saya hanya mendapat RM15 000 apabila kereta ini dijual selepas 3 tahun.



Aset

Apa yang dimiliki seperti wang tunai dan harta benda.

Liabiliti

Tanggungan kewangan atau hutang.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal pasti aset dan liabiliti. Bincangkan aset yang menguntungkan seperti rumah.
- Berikan contoh aset lain yang akan susut nilai seperti komputer atau telefon bimbit. Jelaskan susut nilai ialah berkurangan nilai.

INSURANS DAN TAKAFUL



Apakah insurans dan takaful?

Insurans dan takaful boleh melindungi kita sekiranya sesuatu berlaku kepada diri, anggota keluarga atau harta benda milik kita.



Insurans

Konsep Jual Beli

Beli
RM1 000



Pembeli



Penjual

- Risiko ditanggung syarikat insurans.
- Premium insurans milik syarikat.
- Diawasi undang-undang kerajaan.
- Tidak wajib patuh syariah.

Takaful

Konsep Sumbangan

Sumbangan
RM1 000



Pencarum



Ejen

- Risiko ditanggung peserta secara kumpulan.
- Sumbangan milik Dana Takaful. Pengendali Takaful hanya pengurus dana.
- Diawasi undang-undang syariah dan kerajaan.
- Wajib patuh syariah.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali insurans dan takaful berpandukan brosur insurans dan takaful. Terangkan "takaful" mengikut bahasa Arab ialah "Kafala" untuk menjamin, menjaga atau memelihara. Perkataan "insurans" yang diinterpretasi daripada perkataan Inggeris "insurance" pula bermaksud jaminan keamanan.

Menampung perbelanjaan rawatan perubatan.

Melindungi daripada insiden berkaitan dengan perjalanan seperti kehilangan aset atau nyawa.



Mendapat wang pampasan akibat kemusnahan rumah.

Boleh menuntut ganti rugi untuk membaiki kereta dan kecederaan diri akibat kemalangan.



CELIK MINDA

- ① Apakah insurans dan takaful?
- ② Senaraikan dua kepentingan perlindungan insurans dan takaful serta berikan contoh bagaimana insurans dan takaful dapat melindungi aset dan pencaram.

NOTA GURU

- Bincangkan fungsi dan kepentingan pelbagai jenis insurans seperti insurans perubatan, nyawa, pendidikan dan kenderaan berpandukan brosur insurans berkenaan.



SELESAIKAN MASALAH

- 1 Puan Linda membeli sebuah rumah berharga RM230 000. Selepas dua tahun, dia menjual rumahnya dengan harga RM285 000. Berapakah nilai keuntungan yang diperoleh?



Penyelesaian

Fahami soalan

- Harga beli rumah RM230 000.
- Harga jual rumah RM285 000.
- Cari nilai untung.

Fikir cara



Selesaikan

$$\text{Untung} = \text{Harga jual} - \text{Harga beli}$$

$$\begin{array}{r} \text{RM } 285\,000 \\ - \text{RM } 230\,000 \\ \hline \text{RM } 55\,000 \end{array}$$

Semak

$$\begin{array}{r} \text{RM } 230\,000 \\ + \text{RM } 55\,000 \\ \hline \text{RM } 285\,000 \end{array}$$

Nilai keuntungan yang diperoleh ialah RM55 000.

Jika Puan Linda ingin mendapat keuntungan sebanyak RM80 000, berapakah harga jual rumah itu?



NOTA GURU

- Bimbing murid memahami soalan dengan melukis gambar rajah untuk mewakili masalah.



RM1 978
RM899
RM1 150
TAWARAN ISTIMEWA
 Rebate RM50 bagi setiap jumlah pembelian bernilai RM1 000.


Puan Norma meneliti risalah barangan perabot seperti yang ditunjukkan dalam gambar di sebelah. Dia ingin menggunakan wang yang ada sebanyak RM3 000 untuk membeli satu set sofa dan sebuah katil. Adakah wangnya mencukupi untuk membeli dua barangan perabot itu? Buktikan.

Penyelesaian

Fahami soalan

- Harga sebuah katil RM1 978.
- Harga satu set sofa RM1 150.
- Rebate RM50 bagi setiap jumlah pembelian RM1 000.
- Adakah RM3 000 mencukupi untuk membeli satu set sofa dan sebuah katil?

Fikir cara



Selesaikan

Langkah 1

$$\begin{array}{r}
 \text{RM } 1\,150 \\
 + \text{RM } 1\,978 \\
 \hline
 \text{RM } 3\,128
 \end{array}$$

Langkah 2

Pembelian		Rebate
RM 1 000	→	RM 50
RM 1 000	→	RM 50
+ RM 1 000	→	+ RM 50
<u>RM 3 000</u>	→	<u>RM 1 50</u>

Langkah 3

$$\begin{array}{r}
 \text{RM } 3\,128 \\
 - \text{RM } 1\,50 \\
 \hline
 \text{RM } 1\,628
 \end{array}$$

Ya, wang Puan Norma mencukupi untuk membeli dua barangan perabot itu.

Hanif ada RM5 000. Dia membeli ketiga-tiga barangan perabot itu. Berapakah baki wangnya?



NOTA GURU

- Wujudkan situasi lain yang melibatkan untung atau rugi dan minta murid menyelesaikannya.

- 3 Jadual di bawah menunjukkan harga kos dan untung bagi 1 kilogram sayur-sayuran yang diperoleh seorang peniaga.

Sayur	Harga kos	Untung
Kacang buncis 	RM5	RM1
Cili 	RM8	RM2

Seorang pemilik restoran telah membelanjakan RM120 untuk membeli dua jenis sayur tersebut. Berapakah jisim, dalam kg, bagi setiap sayur yang dibelinya?

Penyelesaian

Fahami soalan

-  Harga kos RM5, untung RM1.
-  Harga kos RM8, untung RM2.
- Berapakah jisim, dalam kg, setiap sayur?

Fikir cara dan Selesaikan

Harga jual ialah harga kos tambah untung.



Guna kaedah cuba jaya.

Cubaan	Jisim $\times$ harga kacang buncis 	Jisim $\times$ harga cili 	Jumlah perbelanjaan
1	$10 \times RM6 = RM60$	$6 \times RM10 = RM60$	$RM60 + RM60 = RM120$
2	$5 \times RM6 = RM30$	$9 \times RM10 = RM90$	$RM30 + RM90 = RM120$

Pemilik restoran mungkin membeli 10 kg kacang buncis dan 6 kg cili atau 5 kg kacang buncis dan 9 kg cili.

NOTA GURU

- Gunakan pelbagai strategi penyelesaian masalah untuk mengukuhkan pemahaman murid.

- 4 Bil di sebelah menunjukkan barangan yang dibeli oleh Amalina. Amalina membayar 2 keping RM50. Dia ingin membeli 9 batang berus lukisan lagi. Hitung baki wang Amalina selepas dia membeli 9 batang berus lukisan lagi.

Penyelesaian

Diberi

- 2 kamus $2 \times \text{RM}26.00 = \text{RM}52.00$
- 4 fail $4 \times \text{RM}4.00 = \text{RM}16.00$
- 5 berus lukisan $5 \times \text{RM}0.80 = \text{RM}4.00$

Jumlah bayaran = RM72.00

- Amalina membayar 2 keping RM50.

Dicari Baki wang selepas membeli 9 batang berus lukisan lagi.

Selesaikan

Langkah 1



Ada baki
RM28.

Langkah 2

Harga 9 batang berus lukisan
 $9 \times \text{RM}0.80 = \text{RM}7.20$

Langkah 3

$$\begin{array}{r} 7\ 10 \\ \text{RM } 28.00 \\ - \text{RM } 7.20 \\ \hline \text{RM } 20.80 \end{array}$$

Semak $\text{RM}20.80 + \text{RM}7.20 = \text{RM}28.00$
 $\text{RM}28 + \text{RM}72 = \text{RM}100$

Baki wang Amalina ialah RM20.80.

KEDAI ALAT TULIS SRI MAJU

Lot 40, Taman Jaya,
71450 Seremban,
Negeri Sembilan.
BIL

Tarikh: 20.7.2022

No. Bil : 3188

NO	ITEM	KUANTITI	HARGA	JUMLAH
1	KAMUS	2	RM26.00	RM52.00
2	FAIL	4	RM4.00	RM16.00
3	BERUS LUKISAN	5	RM0.80	RM4.00
			JUMLAH	RM72.00

DITERIMA OLEH,

(Juruwang: Syaza)

- 5 Yang berikut ialah sebahagian maklumat daripada invoice barangan yang dibeli oleh Encik Yunos.

Bil.	Butiran	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah
1	Jersi	60	RM25.00	
2	Topi	100	RM9.80	
Diskaun niaga 10%				
Jumlah wang yang perlu dibayar				

Encik Yunos menerima invoice itu daripada Syarikat Wawasan.

- a Hitung nilai diskaun.
b Berapakah jumlah wang yang perlu dibayar oleh Encik Yunos?

Penyelesaian

- a
- Harga seunit jersi RM25.
 - Bilangan jersi dibeli 60.
 - Harga seunit topi RM9.80.
 - Bilangan topi dibeli 100.

$$\text{Harga jersi: } 60 \times \text{RM}25 = \text{RM}1\,500$$

$$\text{Harga topi: } 100 \times \text{RM}9.80 = \text{RM}980$$

Jumlah bayaran:

$$\begin{array}{r} \text{RM } 1\,500 \\ + \text{RM } 980 \\ \hline \text{RM } 2\,480 \end{array}$$

$$\text{Nilai diskaun} = 10\% \times \text{RM}2\,480$$

$$\begin{aligned} &= \frac{10}{100} \times \text{RM}2\,480 \\ &= \text{RM}248 \end{aligned}$$

Nilai diskaun ialah RM248.

- b Jumlah wang yang perlu dibayar = Jumlah bayaran – Nilai diskaun

$$\begin{array}{r} \text{RM } 2\,480 \\ - \text{RM } 248 \\ \hline \text{RM } 2\,232 \end{array}$$

Jumlah wang yang perlu dibayar oleh Encik Yunos ialah RM2 232.

Bolehkah jumlah wang yang perlu dibayar diselesaikan dengan ayat matematik ini? Bincangkan.

$$90\% \times \text{RM}2\,480 =$$



NOTA GURU

- Bincangkan pelbagai strategi penyelesaian seperti simulasi.

Halim sekeuarga bercuti dan menginap di Hotel Ria selama 2 malam. Harga bilik penginapan untuk satu malam ialah RM280. Cukai perkhidmatan yang dikenakan ialah 6%. Hitung bayaran untuk 2 malam penginapan itu termasuk cukai perkhidmatan.



Garisi maklumat penting dalam soalan.



Penyelesaian

Harga bilik penginapan untuk satu malam ialah RM280.

Harga bilik untuk 2 malam: $2 \times \text{RM}280 = \text{RM}560$

$$\begin{aligned} \text{Bayaran cukai perkhidmatan: } \frac{6}{100} \times \text{RM}560 &= \frac{\text{RM}336}{10} \\ &= \text{RM}33.60 \end{aligned}$$

Jumlah bayaran = Harga bilik (2 malam) + Bayaran cukai perkhidmatan

$$\begin{array}{r} \text{RM } 560.00 \\ + \text{RM } 33.60 \\ \hline \text{RM } 593.60 \end{array}$$

Semak

$$\text{RM}593.60 - \text{RM}560 = \text{RM}33.60$$

$$\begin{aligned} \frac{\text{RM}33.60}{\text{RM}560} \times 100\% &= \frac{\text{RM}3360}{\text{RM}5600}\% \\ &= 6\% \end{aligned}$$

Bayaran untuk 2 malam penginapan termasuk cukai perkhidmatan ialah **RM593.60**.



Halim diberikan 5 keping baucar makanan bernilai RM10 setiap keping. Dia menggunakan baucar itu semasa menjelaskan bayaran di restoran hotel itu. Dia menerima resit bernilai RM90.65. Halim memberikan RM100 kepada juruwang. Berapakah wang yang perlu dikembalikan? Bincangkan.

NOTA GURU

- Bimbing murid mencari kata kunci dan menulis ayat matematik yang betul bagi menyelesaikan masalah.

- 7 Rajah di bawah menunjukkan catatan tentang aset dan liabiliti yang dimiliki oleh sepasang kembar, John dan Jenny. Pendapatan tahunan masing-masing adalah sama, iaitu RM81 999.

John

Simpanan tetap : RM90 000
Hutang kad kredit : RM1 500
Pinjaman kereta : RM25 000



Jenny

Barang kemas : RM20 000
Kereta (dibeli tunai) : RM55 000
Pinjaman pendidikan : RM18 000



- a Hitung jumlah aset mereka.
b Berapakah beza nilai liabiliti antara mereka?

Penyelesaian



Buat jadual.

Nama	John	Jenny
Aset	RM90 000	RM20 000 dan RM55 000
Liabiliti	RM1 500 dan RM25 000	RM18 000

- a Aset John dan Jenny

RM 90 000
RM 20 000
+ RM 55 000

RM 165 000

Semak

RM165 000 – RM55 000 – RM20 000 = RM90 000

Jumlah aset mereka ialah RM165 000.

- b Liabiliti

John: RM1 500 + RM25 000 = RM26 500

Jenny: RM18 000

¹⁶
RM ~~26~~ 500
– RM 18 000

RM 8 500

Semak

RM8 500 + RM18 000 = RM26 500

Beza nilai liabiliti antara mereka ialah RM8 500.

John lebih bijak mengurus kewangan. Bincangkan.



NOTA GURU

- Terapkan nilai murni seperti menabung, bijak berbelanja dan mengelakkan hutang serta menyelesaikan hutang jika ada.

Aira memenangi wang tunai RM10 000 dalam pertandingan mencipta lagu patriotik. Aira menyimpan RM6 000 di bank dan selebihnya dilaburkan ke dalam unit amanah untuk pendidikannya kelak. Dia mendapat faedah simpanan di bank sebanyak 2% setahun. Kadar dividen yang akan diperoleh unit amanah pula ialah 8% setahun. Hitung dividen yang diterima setelah setahun.


Penyelesaian

Maklumat penting

- Jumlah wang RM10 000.
- Simpan di bank RM6 000 dan dapat faedah 2% setahun.
- Wang selebihnya dilabur dan dapat dividen 8% setahun.
- Hitung dividen yang diterima setelah setahun.



Saya lukis gambar rajah.



Simpan

Labur dapat 8% dividen setahun

$$8\% \times \text{RM4 000} = \text{RM320}$$

$$\begin{aligned} \text{Dividen: } 8\% \times \text{RM4 000} &= \frac{8}{100} \times \text{RM4 000} \\ &= \text{RM320} \end{aligned}$$

Semak

$$\frac{\text{RM320}}{\text{RM4 000}} \times 100\% = 8\%$$

$$8\% \times \text{RM4 000} = \text{RM320}$$

Dividen yang diterima setelah setahun ialah RM320.

Faedah simpanan yang diterima oleh Aira ialah RM120 setahun.
Adakah pernyataan ini benar? Buktikan.



NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal pasti kata kunci dan menyelesaikan masalah dengan strategi lain seperti simulasi.



Selesaikan masalah berikut.

1. Gambar di sebelah menunjukkan harga jual sebuah basikal. Harga kos basikal itu ialah RM500.
 - a. Hitung untung bagi jualan sebuah basikal.
 - b. Jika peniaga ingin mendapat untung sebanyak RM180, berapakah harga jual bagi basikal itu?
2. Seorang pekedai mengalami kerugian sebanyak RM1 020 setelah menjual 4 buah telefon bimbit model lama yang sama. Harga kos sebuah telefon bimbit ialah RM829. Berapakah harga jual sebuah telefon bimbit itu?
3. Jadual di bawah menunjukkan dua item yang dijual di sebuah butik. Untung bagi kedua-dua item adalah sama. Berapakah harga kos bagi sepasang kasut?



Item	Harga kos	Harga jual
	RM1 000	RM1 300
		RM1 000

4. Gambar di sebelah menunjukkan harga untuk jualan penghabisan stok sebuah kerusi urut. Encik Liew akan mengalami kerugian RM300 jika dia menjual kerusi urut itu dengan harga RM2 700. Sekiranya Encik Liew ingin mendapat keuntungan RM400, berapakah harga jual kerusi urut itu?
5. Gambar di sebelah menunjukkan harga kos dua jenis baju kurung. Cik Ros mendapat untung RM15 bagi baju kurung Kedah dan RM30 bagi baju kurung Pahang. Hasil jualan Cik Ros ialah RM360. Berapa pasanglah setiap jenis baju kurung yang mungkin dijual?



Penghabisan
stok

Harga jual
RM2 700



Baju kurung
Kedah
RM30



Baju kurung
Pahang
RM60

NOTA GURU

- Ingatkan murid untuk mengenal pasti kata kunci bagi menulis ayat matematik yang betul.

- 6 Gambar di sebelah menunjukkan harga jual dan peratus diskaun sebuah penyaman udara. Puan Ida ingin membeli 2 buah penyaman udara. Hitung jumlah wang yang dapat diijmatkan.



- 7 Invois yang tidak lengkap di sebelah menunjukkan dua barang yang dibeli.

- a Berapakah jumlah wang yang perlu dibayar jika mendapat diskaun niaga sebanyak 10%?
- b Harga kos sebuah buku tulis ialah 80 sen. Berapakah keuntungan bagi semua buku tulis yang dijual?

SALINAN		Pembekal Alat Tulis Jaya, 6, Jalan Makmur, 43800 Dengkil, Selangor.	INVOIS	
Kepada: Kedai Buku Z, Lot 41, Wisma Ilmu, 50460 Kuala Lumpur.		No. Invois: AT402 Tarikh: 3.11.2022		
Bil.	Butiran	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Kamus	30	28.00	
2	Buku tulis	90	1.50	

- 8 Adi mempunyai RM500. Dia dan kawannya masing-masing membeli satu set makanan di restoran. Setiap set makanan berharga RM17.50. Adi membayar jumlah harga makanan mereka termasuk cukai perkhidmatan sebanyak 6%. Hitung baki wang Adi.

- 9 Felix telah membeli tiga barang seperti bil yang ditunjukkan.

- a Hitung jumlah harga yang perlu dibayar.
- b Rebate RM10 diberikan untuk setiap jumlah pembelian RM100. Berapakah jumlah rebate yang akan diterimanya?

KEDAI BUKU KITA		NO. 11, JALAN MEKA, TAMAN INDAH, 50460 KUALA LUMPUR.	
DAKWAT PENCETAK	5 × RM42		
PEN	10 × RM7		
BUKU	8 × RM9		
NO. KUANTITI 23		NO. ITEM 3	
JUMLAH HARGA			

- 10 Jadual menunjukkan penyata akaun simpanan Dina.

Tarikh	Wang keluar	Wang masuk	Faedah	Baki
1.9.2021	—	RM200	—	RM5 000
1.9.2022	—	—		

Kadar faedah yang diberikan oleh bank ke atas wang simpanannya ialah 2% setahun. Hitung jumlah wang simpanan Dina pada 1.9.2022 setelah menerima faedah.



UJI MINDA

- ① Hitung dan lengkapkan jadual di bawah.

Harga jual	Harga kos	Untung atau rugi	Nilai untung atau rugi
RM150	RM130	Untung	RM20
RM90	RM112		
RM725	RM580		
RM60	RM80		
RM360	RM300		
RM27	RM32.50		

- ② Lengkapkan jadual di bawah.

Item	Harga kos	Harga jual	Untung	Rugi
Periuk nasi	RM360		RM90	tiada
Vakum		RM860	RM70	tiada
Lampu hiasan	RM800		tiada	RM50

- ③ Hitung.

a



Harga jual: RM2 800

Diskaun: 10%

Nilai diskaun:

b



Harga jual: RM4 500

Diskaun: 20%

Harga selepas diskaun:

c



Harga jual: RM4 129

Rebat tunai: RM50

Harga selepas rebat:

d



Harga jual: RM400 000

Rebat: 2%

Harga selepas rebat:

NOTA GURU

- Banyakkan soalan untuk mengukuhkan pemahaman murid.

4. Lengkapkan maklumat sebahagian petikan invois di bawah.

Kuantiti	Butiran	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
50 rim	Kertas A4	8	
40 naskhah	Fail	3	
100 buah	Kamus poket	12	
		Jumlah	
		Diskaun niaga (10%)	
		Jumlah bayaran	

5. a. Lengkapkan maklumat dalam resit tiket masuk ke taman tema air di bawah.

Kuantiti	Deskripsi	Harga (RM)
2	MyKad dewasa	230.00
3	MyKid kanak-kanak	270.00

Tarikh: 6.6.2022

Jumlah:

Cukai perkhidmatan 6%:

Jumlah bayaran:

Baucar percuma atas perbelanjaan:

RM100 dan ke atas → RM10
 RM300 dan ke atas → RM30
 RM500 dan ke atas → RM50
 Tarikh sah dari
 7.6.2022 hingga 30.9.2022

- b. Berapakah nilai baucar yang akan diperoleh?

6. Selesaikan.

Tarikh	No. Akaun	Tempoh (bulan)	Jumlah pelaburan	Tarikh berkuat kuasa	Tempoh matang
1.10.2021	B110114	12	RM10 000	1.10.2021	1.10.2022

Hitung nilai dividen yang diperoleh dengan kadar 9.5% setahun pada tempoh matang.

Tarikh	No. Akaun	Wang keluar	Wang masuk	Baki
1.3.2022	140630205276	-	RM8 000	RM8 000

Kira faedah simpanan untuk setahun jika kadar faedah ialah 1.5% setahun.

7. Hitung jumlah nilai aset dan jumlah nilai liabiliti daripada maklumat di bawah.

• Rumah: RM128 000	• Pinjaman pelajaran: RM16 000
• Hutang kad kredit: RM7 460	• Simpanan tetap: RM20 000
• Wang tunai: RM2 500	• Pinjaman kereta: RM40 000

NOTA GURU

- Galakkan murid berbincang dengan rakan bagi meningkatkan keyakinan diri untuk memahami soalan dan mencari penyelesaian.

- 8 Senaraikan tiga kepentingan perlindungan insurans dan takaful.
- 9 Selesaikan masalah.

- a Dalam suatu pameran, sebuah potret berharga RM10 850 telah dijual dengan diskaun 12%.

i Berapakah nilai diskaun itu?

ii Berapakah harga jual potret itu?

- b Jadual di bawah menunjukkan jumlah aset dan liabiliti Puan Ain dan Puan Maryanti. Pendapatan tahunan mereka adalah sama.

Nama	Puan Ain	Puan Maryanti
Aset	RM125 108	RM209 400
Liabiliti	RM37 264	RM121 901

Siapakah yang lebih bijak mengurus kewangan? Buktikan.

- c Prakash menyimpan RM3 500 ke dalam akaun Bank Yakin. Dia mendapat kadar faedah sebanyak 2% setahun. Hitung jumlah wang simpanan Prakash selepas setahun.

d Tropika Golf dan Resort

AHLI KELAB

Rebat RM100 dengan perbelanjaan minimum RM1 000

Diskaun 20%

Tropika Golf dan Resort

BUKAN AHLI KELAB

Rebat RM50 dengan perbelanjaan minimum RM1 000

Diskaun 10%

Maklumat di atas menunjukkan promosi pertandingan permainan golf. Puan Syarifah ahli kelab golf. Puan Goh pula bukan ahli. Masing-masing berbelanja sebanyak RM1 000. Selepas mendapat rebat mereka juga mendapat diskaun. Hitung beza bayaran yang dibuat oleh mereka.

- e Maklumat di sebelah menunjukkan promosi di Kedai Roti Sedap. Hui Li ke kedai itu pada pukul 8:30 malam. Dia ada RM10. Adakah wangnya mencukupi untuk membeli ketiga-tiga makanan itu? Tunjukkan pengiraan.

Diskaun 30% Selepas 8:00 p.m.



- f Fara membayar RM50 bersama-sama 2 keping baucar kepada juruwang apabila membeli tas tangan berharga RM120. Juruwang mengembalikan RM10 kepada Fara. Nyatakan nilai yang mungkin bagi setiap keping baucar itu.

NOTA GURU

- Tambah soalan mudah untuk kemahiran penyelesaian masalah.


KEMBARA MATEMATIK

Alat/Bahan

Kad soalan, kertas, pen dan wang mainan.

Peserta

4 orang murid dalam satu kumpulan dan seorang pengadil.



Harga kos: RM120
Harga jual: RM165
Untung:

Jumlah harga: RM150
Cukai perkhidmatan: 6%
Nilai cukai perkhidmatan:

Harga buku: RM12
Diskaun: 10%
Nilai diskaun:

Jumlah harga: RM1 230.90
Rebat: RM50
Jumlah bayaran:

Pelaburan: RM5 000
Dividen: 5% setahun
Nilai dividen:

dan
melindungi aset dan
pencaram.

Cara bermain

- 1 Sediakan empat stesen. Letak kertas dan pen untuk pengiraan di setiap stesen.
- 2 Letakkan empat keping kad soalan yang sama di setiap stesen untuk setiap pusingan. Telangkupkan semua kad soalan.
- 3 Peserta setiap kumpulan menjawab soalan secara bergilir-gilir. Peserta akan diberikan wang mainan jika jawapan betul. Nilai wang tersebut bergantung pada tahap kepantasan semasa menjawab.

Tahap kepantasan	1	2	3	4
Nilai wang diterima	RM10	RM7	RM5	RM2

Wang tidak diberikan jika jawapan salah.

- 4 Ulang cara 2 dan 3 sehingga ada kumpulan yang berjaya mengumpulkan wang mainan RM30.



UJI DIRI

A. Pilih jawapan yang betul.

1. Sejuta enam puluh ribu seratus satu dalam angka ialah .

A. 160 101 B. 160 110
C. 1 060 101 D. 1 060 110

2. $4\frac{3}{8}$ juta = .

A. 437 500 B. 438 000
C. 4 375 000 D. 4 380 000

3. 120% = .

A. 1.02 B. 1.2
C. 0.12 D. 0.012

4. Antara yang berikut, yang manakah betul?

A. $3.08 = 380\%$ B. $5 = 50\%$
C. $4.2 = 402\%$ D. $6.5 = 650\%$

5. Antara yang berikut, yang manakah nombor gubahan?

A. 5 B. 21
C. 47 D. 89

6. $2\,951\,000 + \frac{1}{4}$ juta + 1.06 juta = .

A. 4.261 juta B. 4.161 juta
C. 4.151 juta D. 3.207 juta

7. 320% daripada 4.7 km = .

A. 7.9 km B. 15.04 km
C. 23.68 km D. 36.7 km

8. $4.8 \times 4.25 =$.

A. 5.1 B. 20.4
C. 204 D. 510

9. $259.16 \div 9.5 =$.

A. 27.108 B. 27.208
C. 27.18 D. 27.28

10. + = 20

Dua nombor gubahan untuk melengkapkan ayat matematik di atas ialah ...

A. 15, 5 B. 13, 7
C. 12, 8 D. 11, 9

11. $3\frac{1}{5} - 0.75 + 1 =$.

A. $2\frac{1}{4}$ B. $2\frac{9}{20}$
C. $3\frac{1}{20}$ D. $3\frac{9}{20}$

12. Set yang manakah nombor perdana?

A. 1, 3, 5 dan 7 B. 2, 5, 6 dan 9
C. 11, 13, 15 dan 17 D. 41, 43, 47 dan 53

13. $4 \div \frac{9}{10} - 0.4 =$.

A. 8 B. 6
C. 0.25 D. 0.125

14. $90.5 - 32 \times \frac{4}{5} =$.

A. 75.1 B. 64.9
C. 54.8 D. 46.8

15. $4.5 \text{ juta} \div 5 + \frac{1}{10} \text{ juta} =$.

A. 9 100 000 B. 1 900 000
C. 1 000 000 D. 100 000

16. $\frac{5}{8} \text{ juta} - 25\,000 - 0.1 \text{ juta} =$.

A. $\frac{1}{2}$ juta B. $\frac{1}{4}$ juta
C. $\frac{1}{5}$ juta D. $\frac{1}{8}$ juta

17. $4\frac{2}{9} \div \frac{2}{3} =$.

A. $\frac{3}{19}$ B. $3\frac{4}{27}$
C. $4\frac{1}{3}$ D. $6\frac{1}{3}$

18.



Harga jual	Rugi
RM3 195	RM218

Hitung harga kos peti sejuk berdasarkan jadual di atas.

- A. RM2 977 B. RM3 183
C. RM3 303 D. RM3 413

19. $2.1 \text{ juta} - \text{[]} \times 4 = \frac{1}{2} \text{ juta}$

Apakah nilai dalam []?

- A. $\frac{1}{5}$ juta B. $\frac{2}{5}$ juta
C. $\frac{3}{8}$ juta D. $\frac{5}{8}$ juta

20. Antara yang berikut, yang manakah hasil bahagiannya ialah $\frac{1}{12}$?

- A. $\frac{1}{2} \div \frac{1}{6} = \text{[]}$ B. $\frac{1}{3} \div \frac{1}{4} = \text{[]}$
C. $6 \div \frac{1}{2} = \text{[]}$ D. $\frac{1}{3} \div 4 = \text{[]}$

21. Kira peratusan bagi 1.2 jam daripada 0.4 jam.

- A. 0.3% B. 3.0%
C. 30% D. 300%

22. Berapakah perlu ditambah kepada $2\frac{1}{2}$ juta dan 0.04 juta supaya menjadi 5 juta?

- A. 2 000 000 B. 2 460 000
C. 3 640 000 D. 7 640 000

23. $\frac{9}{10} \text{ juta} - (0.45 \text{ juta} + \text{[]}) = 324 000$
Apakah nilai dalam []?

- A. 576 000 B. 541 000
C. 126 000 D. 116 000

24. $12 + 4.8 \div \frac{1}{8} = \text{[]}$

- A. 50.4 B. 39.6
C. 12.6 D. 2.1

25. 170% daripada 2.6 l = []

- A. 4.24 l B. 4.42 l
C. 42.4 l D. 44.2 l

26. $\frac{3}{4} \text{ juta} + 0.5 \text{ juta} = 1 \text{ juta} + \text{[]}$

- A. 250 000 B. 125 000
C. 25 000 D. 12 500

27. Selesaikan.

$960 000 - (0.03 \text{ juta} + p) = \frac{4}{5} \text{ juta}$

Apakah nilai p ?

- A. 130 000 B. 160 000
C. 190 000 D. 480 000

28.



Harga kos: RM1 200

Untung: RM300

Berapakah harga jual bagi 4 buah telefon bimbit di atas?

- A. RM3 600 B. RM4 700
C. RM4 900 D. RM6 000

29. Encik Sufi ingin membeli sebuah komputer riba.



Harga jual: RM2 680
Diskaun: 20%

Berapakah harga komputer riba itu selepas diskaun?

- A. RM536 B. RM2 144
C. RM2 156 D. RM2 660

B. Selesaikan soalan yang berikut.

1. Yang berikut ialah beberapa keping kad nombor.



Senaraikan semua:

- a nombor perdana.
b nombor gubahan.

2. Yang berikut ialah tiga kad nombor R, S dan T.



- a Kad yang manakah yang mempunyai nilai paling besar?
b Hitung beza antara nilai yang paling besar dengan nilai yang paling kecil.

3. Selesaikan.

a $5\frac{1}{5} \div 4 = \square$ b $\square \div \frac{2}{5} = 16$

4. Hitung.

a $(3 - 1\frac{2}{5}) \div 0.8 = \square$


b $4\frac{7}{10} + 2.95 \times 7 = \square$

c $185\% - 98\% = \square$

5. Lengkapkan jadual di bawah.

Amanah saham	Pelaburan	Kadar dividen	Nilai dividen
P	RM4 000	6.5%	
Q	RM5 000	7%	

6. Berpandukan garis nombor di bawah:



- a tukar 2.5 kepada peratusan.
b nyatakan nilai q dan seterusnya cari nilai $q \div p$.

7. Rekha akan menuangkan $1\frac{1}{2}$ ℓ jus oren ke dalam beberapa gelas. Setiap gelas berisi padu $\frac{1}{8}$ ℓ. Berapakah gelas yang diperlukan?

8. Sebuah kilang menghasilkan $\frac{7}{10}$ juta botol pensanitasi tangan. Sebanyak 0.208 juta daripadanya dihantar ke Zon Utara dan selebihnya ke Zon Selatan. Hitung beza antara bilangan botol pensanitasi tangan yang diterima oleh kedua-dua zon itu.

9. Jadual di bawah menunjukkan bilangan kenderaan yang melalui empat lebuh raya pada musim perayaan.

Lebuh raya			
P	Q	R	S
1.6 juta	250 000	$\frac{5}{8}$ juta	2.5 kali lebuh raya Q

- a Hitung jumlah kenderaan yang melalui lebuh raya P, Q dan R.
b Bilangan kenderaan yang melalui lebuh raya R dan S adalah sama. Adakah pernyataan ini benar? Buktikan.

10. Selvam perlu membayar bil hospital bernilai RMI 200. Dia dikenakan cukai perkhidmatan sebanyak 6% untuk bil itu.

- a Hitung nilai cukai perkhidmatan itu.
b Berapakah jumlah bayaran termasuk cukai perkhidmatan?

11. Alan berlari 4.5 pusingan trek di sebuah padang setiap hari. Jarak satu pusingan trek itu ialah 0.4 km. Berapakah jarak lariannya, dalam km, dalam seminggu?

12. Seutas reben berukuran $4\frac{1}{2}$ m dipotong kepada 7 bahagian yang sama panjang.

- a Berapakah panjang, dalam m, setiap bahagian reben itu?
- b Sofia menggunakan satu bahagian reben itu untuk kraf tangan. Dia juga menggunakan 2 utas renda dengan panjang masing-masing 3 m dan 1.25 m. Hitung jumlah panjang, dalam m, semua bahan itu.

13. Jadual menunjukkan isi padu susu kurma di dalam tiga buah bekas.

Bekas	Isi padu susu kurma
Biru	1.8 l
Putih	120% daripada isi padu bekas biru
Merah	2.7 l

- a Hitung isi padu, dalam l, susu kurma di dalam bekas putih.
- b Berapakah peratus isi padu susu kurma di dalam bekas merah berbanding dengan isi padu susu kurma di dalam bekas biru?

14.



- a Cari nilai rebat itu.
- b Nyatakan harga rumah banglo itu selepas rebat.

15. Rajah di sebelah menunjukkan harga dan diskaun sebuah rak buku. Berapakah wang yang dapat dijimatkan?



Nyatakan nilai k dalam nombor bulat berpandukan garis nombor di atas.

17.



Saya ingin membeli satu set perabot berharga RM6 400.

Yang berikut ialah rebat tunai yang ditawarkan atas pembelian:

Pembelian	Rebat
RM1 000 hingga RM2 999	RM100
RM3 000 hingga RM4 999	RM200
RM5 000 hingga RM6 999	RM300
RM7 000 hingga RM8 999	RM400

Berapakah wang yang perlu dibayar oleh Aditya untuk membeli satu set perabot itu?

18. Sarjit menyimpan wang sebanyak RM12 000 ke dalam akaun pelaburannya. Dia mendapat dividen sebanyak 4% setahun. Berapakah nilai dividen selepas setahun?
19. Yang berikut ialah catatan aset dan liabiliti Cik Dhia.

Simpanan: RM50 000
Hutang kad kredit: RM1 460
Pinjaman pendidikan: RM15 000
Kereta dibeli tunai: RM35 000

Adakah nilai asetnya melebihi liabiliti? Buktikan.